

Rujukan : USM.JB.HB.G.2/2021

Tarikh : 15 Februari 2021

Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang  
T : 04-653 3131 / 04-653 4288  
F : 04-658 8205  
E : bursar@usm.my  
L : bursary.usm.my / www.usm.my

Dekan/ Pengarah/ Penyelaras/ Ketua Jabatan  
Pusat Pengajian/ Pusat Kecemerlangan/  
Pusat Perkhidmatan/ Jabatan

Semua Kampus  
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2021:  
HEBAHAN SEMULA PEMATUHAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.3 TAHUN 2014-  
GARIS PANDUAN KEHILANGAN ASET ALIH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, pihak Universiti/PTJ sering diberi teguran oleh pihak Audit dan Jawatankuasa Pelupusan Aset Universiti berikutan ketidak patuhan dan kelewatan Pusat Tanggungjawab membuat laporan kehilangan aset di Pusat Tanggungjawab dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2014: *Garis Panduan Kehilangan Aset Universiti Sains Malaysia* telah dikeluarkan untuk rujukan oleh semua warga staf dan hendaklah dipatuhi bagi mengurangkan risiko dan menangani isu kehilangan aset Universiti.

4. Sehubungan itu, Hebahan Bendahari ini dikeluarkan sebagai hebahan semula kepada semua PTJ untuk mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan.

Kerjasama dan keperihatinan YBhg. Dato'/Prof/Dr/Tuan/Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN NGAH)  
Bendahari

s.k. Naib Canselor

